

ABSTRAK

Dato Syeikh Abdul Halim Othman (1910-1997M): Sejarah Dan Sumbangannya Di negeri Kedah. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur, Sesi 2008/2009. Disertasi ini merupakan sebuah penulisan biografi seorang tokoh ulama terkenal di Negeri Kedah Darul Aman dalam era pasca merdeka. Anak kelahiran Kg Pisang Kubang Pasu, Kedah ini dilahirkan pada tahun 1910 dan telah pulang ke rahmatullah pada tahun 1997. Beliau adalah merupakan salah seorang bekas Syeikhul Islam Kerajaan negeri Kedah dan setaraf jawatan mufti ketika ini. Dalam usaha mencari dan mengumpul data-data yang berkaitan dengan disertasi ini, penulis telah menggunakan metod dokumentasi, temubual, dan observasi. Metod dokumentasi digunakan untuk mencari, mengumpul dan menilai keabsahan dokumen yang berkaitan dengan subjek kajian penulis. Antara dokumen yang berkaitan ialah buku-buku dan artikel mengenai Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman. Metod temubual dan observasi digabungkan bersama dengan bermula dari informen pangkal yang menjadi sumber utama untuk mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan. Dalam menganalisa data yang terkumpul, penulis menggunakan metod deduktif, induktif dan komparatif. Kajian ini juga adalah untuk cuba mengenalpasti jawapan kepada beberapa perumusan masalah diantaranya ialah, apakah sejarah beliau, bagaimanakah beliau memberikan sumbangan dan apakah yang telah diberikan oleh Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman kepada perkembangan Islam di negeri Kedah sama ada dalam bidang pendidikan Islam atau persuratan Islam dan juga pentadbiran Islam. Dalam bidang penulisan pula, apakah tajuk-tajuk tulisan beliau sama ada dalam bentuk buku bacaan dan juga artikel serta sejauh manakah sumbangan penulisan beliau dalam bidang tersebut dapat mempengaruhi kehidupan masyarakat sekelilingnya pada ketika itu. Hasil daripada kajian ini juga, penulis telah dapat menyatakan bahawa Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman adalah individu yang boleh dikatakan sebagai salah seorang tokoh ulama di negeri Kedah yang telah banyak memberi sumbangan kepada perkembangan Islam di negeri Kedah. Sumbangannya meliputi bahkan melangkaui pendidikan Islam, penulisan, pentadbiran Islam dan juga dakwah Islamiah. Hasil daripada perjuangannya yang panjang itu beliau telah berjaya melahirkan angkatan ulama di negeri Kedah dalam era 70an, 80an, 90an dan hingga sekarang ini masih wujud anak murid beliau dalam organisasi kerajaan negeri Kedah Darul Aman dan juga dalam kerajaan Malaysia yang masih menabur jasa bakti kepada agama Islam demi tanah air tercinta.

ABSTRACT

Dato Syeikh Abdul Halim Othman(1910-1997M): History and His Contribution in Kedah. A Dissertation for M.A Usuluddin, Department of History And Islamic Civilization, Division of Usuluddin Studies, Academy of Islamic Studies, University of Malaya Kuala Lumpur, Session 2008/2009. This dissertation is a written biography of an Islamic scholar in Kedah in the post independent era. He was born in Kg Pulau Pisang Kubang Pasu in 1910 and died in 1997. He was the Mufti of Kedah state Government. During the data gathering process, documentation, interview and observation method was applied in acquiring, gathering and evaluating the validity of the documents related to the subject. Among them were books, working papers and articles written about him. Interviews and observations were used simultaneously departing from the primer informant who is the basic source of the data for the information gathering. Data analyzing was done by using deductive, inductive and comparative method. This research tries to find the answer regarding questions like what are the contributions of Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman to the development of Islam in Kedah in the areas such as Islamic education, Islamic writing and Islamic administration. In Islamic writing what are the hidden genre for example books, books for general reading, articles and others. This writing also touched on the impact of his writing in various areas of Islamic topics to the life of the local people of Kedah. From this observation, it is found that Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman is a true scholar with a very prominent contributions towards the development of Islam in Kedah. His writing comprises areas such as Islamic education, Islamic writing, Islamic administration as well as dakwah. After years of struggle, he has managed to produce a group of Islamic scholars in Kedah in the era of 70s, 80s and 90s. Until now his students still exists in Kedah state government organizations and Malaysia that are still in services dedicating their devotion to the religion of Islam for the sake of our beloved homeland.